**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI PULAU PINANG**
Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
http://portalpp.anm.gov.my/penang

**Rujukan: ANM.PG.500.6/Jld.1(61)**
**Tarikh: 18 Mei 2020**

**SEMUA KETUA**
**PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

**PERINGATAN : KEGAGALAN PTJ JANM MEMATUHI TATACARA BAYARAN CARUMAN PERKESO**

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera,

Tuan/puan,

Untuk makluman tuan/puan, pihak Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menerima aduan daripada PERKESO bahawa terdapat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang masih GAGAL **mengemaskini maklumat bayaran serta pekerja bagi bayaran secara baucar berasingan melalui Portal ASSIST PERKESO.** Kegagalan ini menyebabkan rekod bayaran dan caruman pekerja tidak dapat dikemaskini oleh pihak PERKESO.

2. Oleh itu diingatkan bahawa PTJ yang membuat bayaran emolumen kepada pegawai kontrak secara baucar berasingan, tuan/puan adalah **diwajibkan untuk** mengemaskini maklumat bayaran dan pekerja melalui Portal ASSIST dengan KADAR SEGERA.

3. Pihak PERKESO juga memaklumkan bahawa pihaknya menghadapi masalah mengenai senarai pembayaran yang tidak dapat dikenalpasti disebabkan ketiadaan maklumat kod majikan yang berkenaan. Oleh yang demikian, tuan/puan hendaklah memastikan keperluan maklumat berikut dinyatakan semasa penyediaan baucar bayaran :

i) Memastikan No. Kod Majikan dan Bulan Caruman dinyatakan dalam ruangan Perihal Bayaran pada emel notifikasi.(rujuk Lampiran Format Pembayaran Caruman EFT yang disertakan)

ii) Penghantaran *textfile* (maklumat pekerja) melalui emel ago@perkeso.gov.my

iii) Mengemaskini maklumat potongan dan bayaran melalui Portal ASSIST PERKESO di laman sesawang https://assist.perkeso.gov.my/employer/login

Rujukan: ANM.PG.500.6/Jld.1(61)
Tarikh: 18 Mei 2020

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai PERKESO seperti di bawah untuk keterangan lanjut :

| Bil. | Nama Pegawai | No.Telefon & Emel |
|---|---|---|
| 1. | Puan Jeriani Binti Mohd Djody | 019-3352157<br>jeriani.djody@perkeso.gov.my |
| 2. | Puan Soraya Binti Bakri | 012-3088214<br>soraya.bakri@perkeso.gov.my |
| 3. | Puan Raja Nurul Salha Binti Raja Md Arif | 013-7936585<br>nurul.salha@perkeso.gov.my |

5. Perhatian serta kerjasama tuan/puan ke atas perkara ini amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOR AZLINA BINTI JUNID C.A.(M), ACMA, CGMA)**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang
*nbz/folder:Unit gaji/Buletin*

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**
**Bahagian Caruman**
**Menara PERKESO**
**281, Jalan Ampang**
**50538 Kuala Lumpur, MALAYSIA.**
**TEL: + 603 42645000**
**www.perkeso.gov.my**

# FORMAT PEMBAYARAN CARUMAN EFT

## BAYARAN CARUMAN (BULANAN) / BAUCAR BERASINGAN(MANUAL) MELALUI SALURAN *ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)* OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

**PROSEDUR PEMBAYARAN MELALUI EFT DAN PENGHANTARAN MAKLUMAT CARUMAN OLEH PTJ**

1. Setiap transaksi pembayaran EFT adalah untuk satu (1) Nombor Kod Majikan PERKESO dan untuk satu (1) bulan caruman sahaja.

2. PTJ perlu mengunci masuk 20 aksara pertama pada ruangan perihal bayaran seperti format di bawah:

***CTH: A1200034567B01201410***

| **A1200034567B** | **012014** | **10** |
|---|---|---|
| **No. Kod Majikan** | **Bulan Caruman (MMYYYY)** | **Kod AO<br>Contoh : 1010 (2 digit terakhir)** |

12 digit – No kod majikan (ditambah dengan "000" sekiranya nombor kod majikan tidak cukup 12 digit.)

*Contoh:* *Kod Majikan lama:* ***A3604174K***

*Diubah kepada* ***A3600004174K***

6 digit – Bulan dan Tahun Caruman

2 digit – Kod AO

3. Sila pastikan maklumat seperti Nombor Kod majikan, Bulan Caruman dan Amaun adalah sama pada perihal bayaran.

4. Email notifikasi bayaran hendaklah dihantar ke alamat ago@perkeso.gov.my dan maklumat caruman pekerja hendaklah dikemukakan melalui kaedah berikut:
   - Server AG (bagi pembayaran melalui **sistem *payroll***)
   - Portal ASSIST (bagi pembayaran melalui **baucar berasingan**). https://assist.perkeso.gov.my/employer/login

5. Bagi pembayaran secara bulanan, laporan **bayaran bulanan ZRPY117** perlu dikemukakan melalui emel ago@perkeso.gov.my

6. Bagi **pembayaran secara pukal melalui baucar berasingan (manual)** yang melibatkan pelbagai bulan dan tahun caruman, maklumat pekerja dan bayaran hendaklah dikemaskini di ASSIST. Kedua-dua maklumat ini juga hendaklah dikemukakan melalui emel ago@perkeso.gov.my

7. Sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan:-

| BIL. | NAMA DAN EMEL | NO. TELEFON |
|---|---|---|
| 1. | Pazilah Bt Ibrahim<br>pazilah.ibrahim@perkeso.gov.my | 03-4264 5657 |
| 2. | Adlia Binti Mohamad<br>adlia.mohamad@perkeso.gov.my | 03-4264 5269 |
| 3. | Raja Nurul Salha Binti Raja Md Arif<br>nurul.salha@perkeso.gov.my | 03-4264 5373 |
| 4. | Jeriani Binti Mohd Djody<br>jeriani.djody@perkeso.gov.my | 03-4264 5336 |
| 5. | Soraya Binti. Bakri<br>soraya.bakri@perkeso.gov.my | 03-4264 5336 /<br>019 339 0452 |
| 6. | Rahil Safura Binti Mustafa<br>rahil.mustafa@perkeso.gov.my | 03-4264 5453 /<br>012 605 4936 |